

Saya tak tahu CEO baru Proton

UM - 24/11/2005

PUTRAJAYA 23 Nov. — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak tahu-menahu mengenai pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Proton yang baru.

Walaupun beliau merupakan Penasihat Proton Holdings Bhd., bekas Perdana Menteri itu berkata, syarikat pengeluar kereta nasional tersebut tidak perlu merujuk kepadanya berhubung pelantikan tersebut.

“Saya tidak tahu. Saya pun membaca (mengenai pelantikan) dalam surat khabar hari ini,” katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis penyerahan cek tajaan Forum Keamanan Sejagat Perdana 2005 di Yayasan Kepimpinan Perdana (PLF) di sini hari ini.

Akhbar baru-baru ini melaporkan Timbalan Pengarah Urusan Perodua Auto Corporation Sdn. Bhd., Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir

disebut-sebut sebagai calon yang akan menerajui Proton.

Diminta mengulas mengenai perkara itu, Dr. Mahathir berkata: “Saya tak tahu. Saya tak baca nama yang dicadangkan. Siapa yang dicadangkan?”

Apabila dimaklumkan pemberita mengenai Syed Zainal, beliau menjawab: “Mungkin saya kenal dia tetapi saya tak tahu nama dia (dicalonkan).”

Apabila ditanya sama ada calon dari Perodua, yang mencatatkan prestasi baik, boleh

membantu Proton, beliau berkata Perodua sebenarnya adalah syarikat Jepun.

“Ia 51 peratus milik Jepun sekarang,” katanya.

Sementara itu ditanya mengenai kunjungan dua hari beliau ke Thailand, Dr. Mahathir memberitahu ia merupakan pertemuan peribadi.

“Ia lebih kepada ‘perbualan mesra’ (*friendly chat*). Saya kenal (Perdana Menteri) Thaksin (Shinawatra) dan (bekas Perdana Menteri Thai-

land) Anand (Panyarachun),” katanya.

Ditanya sama ada beliau menjelaskan mengenai cadangannya sebelum ini supaya Thailand memberikan kuasa autonomi kepada wilayah selatan Thai, Dr. Mahathir berkata, isu itu tidak dibincangkan dalam pertemuan tersebut.

“Cuma Anand menjelaskan perkataan ‘autonomi’ membayangkan kemerdekaan (wilayah) dan sebab itu mereka

agak kurang senang mengenainya,” kata beliau.

Dr. Mahathir memberitahu dalam kunjungan dua hari itu beliau turut menghadap Raja Thai dan memaklumkan mengenai perbincangannya dengan Thaksin.

Ditanya sama ada kerajaan sudah dimaklumkan mengenai hasil kunjungan tersebut, beliau membayangkan tidak perlu berbuat demikian memandangkan wakil Wisma Putra turut sama semasa pertemuan berlangsung.



DR. MAHATHIR MOHAMAD